



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

### SIARAN MEDIA

#### **MAJLIS PERJUMPAAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM BERSAMA-SAMA PEGAWAI PENGURUSAN TERTINGGI PERKHIDMATAN AWAM BILANGAN 1 TAHUN 2022**

---

Putrajaya - Seramai 139 pegawai diluluskan kenaikan pangkat serta 112 pegawai diberikan pemangkuan, perubahan pemangkuan dan perubahan penempatan dalam kalangan pegawai kanan dan pengurusan tertinggi daripada pelbagai skim perkhidmatan dan Kementerian.

Penyerahan surat kenaikan pangkat, pemangkuan dan penempatan ini telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Sri Mohd Shafiq bin Abdullah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) pada Majlis Perjumpaan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Bersama-Sama Pegawai Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam Bilangan 1 Tahun 2022 yang berlangsung di Auditorium, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Kenaikan pangkat dan pemangkuan yang diterima oleh pegawai - pegawai ini merupakan suatu bentuk pengiktirafan dan penghargaan Kerajaan atas khidmat bakti, prestasi dan komitmen yang telah dicurahkan dalam memacu kecemerlangan perkhidmatan awam. Manakala penempatan semula pegawai adalah untuk menyegarkan semula amanah dan tanggungjawab baharu. Semua penerima hendaklah melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah dan berintegriti bagi memastikan kelangsungan kecemerlangan perkhidmatan awam.

KPPA juga mengingatkan agar semua Ketua Jabatan serta pegawai kanan anggota perkhidmatan awam dapat memainkan peranan merekayasa formula baru, merangka dasar yang berevolusi mengikut keperluan semasa dan menyokong dasar-dasar kerajaan bagi meningkatkan imej perkhidmatan awam yang bersifat *people centric* atau berpaksikan rakyat seperti mana yang dikehendaki oleh YAB Perdana Menteri dalam semangat Keluarga Malaysia. Justeru, perkhidmatan awam harus bertindak sebagai pemudah cara kepada kumpulan sasaran bagi Kementerian, Jabatan dan Agensi.

KPPA menekankan agar anggota perkhidmatan awam untuk lebih peka dan dinamik dalam mendepani pelbagai cabaran sedia ada, termasuklah keperluan penyampaian perkhidmatan awam yang didorong oleh kreativiti dan inovasi.

Dalam majlis yang sama, YBhg. Dato' Zainal Azman bin Abu Seman turut menerima surat lantikan sebagai Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) berkuat kuasa hari ini. Selain itu, di antara penerima kenaikan pangkat pada program ini ialah YBhg. Datuk Wira Dr. Noor Zairi bin Hamat, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail, Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), YBhg. Datuk Ravi a/l Muthayah, Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan YB. Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

####

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 1 Mac 2022  
E-mel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)  
No.rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.2 ( 20 )